

Headline	UNITEN KSHAS di Muadzam Shah kekal		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 Jan 2024	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	8
ArticleSize	167 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 8,445		



## UNITEN KSHAS di Muadzam Shah kekal

**Kuantan:** Kerajaan Pahang bersama Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bersetuju UNITEN Kampus Sultan Haji Ahmad Shah (KSHAS) terus dikekalkan di Muadzam Shah, Rompin.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata keputusan itu dicapai hasil perbincangan bersama ketiga-tiga pihak yang dipengerusikan oleh beliau di Wisma Sri Pahang, di sini, semalam.

“Dalam perbincangan itu, pihak UNITEN juga bersetuju untuk mengekalkan 13 kursus di kampus berkenaan serta tidak menawarkan kursus sama di UNITEN kampus Bangi.

“Malah, pihak pengurusan universiti itu juga akan berusaha menambah bilangan pelajar, terutama pada sesi pendaftaran pelajar pada Februari depan.

“Bagi pihak kerajaan Pahang, saya bersyukur kerana isu ini mencapai kata sepakat dan dimuktamadkan secara bersama.

“Malah, kerajaan negeri bersedia membantu UNITEN bagi memastikan kampus itu terus kekal di Muadzam Shah yang menjadi pemangkin pembangunan pesat di kawasan berkenaan,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Wan Rosdy sekali gus berharap tidak lagi timbul isu universiti berkenaan hendak ditutup selepas ini.

“Semua pihak akan berganding bahu memastikan UNITEN KSHAS di Muadzam Shah terus maju dan berkembang serta menjadi pilihan pelajar untuk melanjutkan pengajian,” katanya.

Sebelum ini, media melaporkan kerajaan Pahang tidak bersetuju dengan cadangan penutupan universiti berkenaan dan mahu keputusan itu dikaji semula.

Justeru, kerajaan negeri akan terus mempertahankan supaya universiti yang ditubuhkan pada 2001 itu tetap beroperasi di Muadzam Shah.

Malah, Ketua Penerangan Dewan Pemuda PAS Pahang, Ahmad Azlan Abu Bakar, senada dengan Wan Rosdy dan berpandangan penutupan universiti itu bakal memberi kesan tidak baik kepada rakyat berkaitan pengajian anak muda.

Minggu lalu, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dilaporkan tiada menerima sebarang arahan bagi penutupan UNITEN KSHAS di Muadzam Shah.

Menterinya, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, dipetik berkata pihaknya sudah membuat semakan berkaitan isu itu tetapi sehingga kini, tiada sebarang notis diterima berkaitan isu berkenaan.